

RMK-12 perlu tumpu pembangunan vaksin

Oleh MUHAMMAD FIRDAUS
FAHMI JUNAIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan disarankan mengambil serius menganai pembangunan dan penyelidikan (R&D) vaksin menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam memastikan krisis kesihatan masa hadapan dapat dikawal sebaiknya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar berkata, Malaysia sudah mampu mencipta vaksin, tetapi tidak ke arah membangunkan vaksin tersebut ke peringkat untuk digunakan manusia.

"Kita belum ada keupayaan untuk mengambil vaksin yang dicipta lalu diuji kepada haiwan dan manusia untuk dililangkan serta dipasarkan kepada orang awam. Malaysia masih di takuk paling awal iaitu peringkat penciptaan.

"Malaysia belum mempunyai keupayaan kerana tiada pelaburan dilakukan sejak dulu lagi, walaupun pernah melakukannya terhadap haiwan tetapi bukannya manusia. Oleh itu, perlu diutamakan untuk mendapatkan teknologi dalam men-



PETUGAS kesihatan memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

jalankan R&D ini dan sekiranya tiada teknologi, akan membantutkan perkembangan kepada pakar-pakar di Malaysia," jelasnya.

Sebelum ini, dilaporkan dokument Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang sudah hampir siap 100 peratus dan dijangka dibentangkan pada 27 September ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pelan tersebut perlu me-

menuhi jangkaan mengutamakan polisi jangka panjang yang lebih fundamental, membasmikan kemiskinan, mengurangkan jurang pendapatan, infrastruktur yang tersusun dan perpaduan terutamanya melibatkan isu keadaan ketersediaan menangani krisis kesihatan negara.

Tambah Sazaly, kos pembangunan itu bergantung kepada strategi kerajaan sama ada melakukan R&D sendiri yang bakal

menggunakan kos yang besar dan masa yang lama atau tidak. Malaysia boleh mencontoh kerajaan Singapura yang melabur kepada syarikat pembangunan vaksin dan membawa vaksin ke negara mereka.

Ulas beliau, di Thailand, mereka menghantar pasukan saintis ke luar negara untuk bekerjasama dengan syarikat pengeluar di luar negara serta membangunkan kilang mereka sendiri di Thailand.

"Di Arab Saudi pula, pihak mereka membawa syarikat ke negara mereka untuk membina kilang dan terus dengan mencipta vaksin di dalam negara.

"Sekiranya tidak dilakukan, Malaysia masih akan menghadapi masalah apabila ada keperluan tetapi tiada vaksin. Nasib baik, dalam isu Covid-19, kita cepat membeli vaksin disebabkan ada peruntukan apabila membelinya awal sebelum vaksin itu ada lagi.

"Kerajaan diharapkan mengambil serius perkara ini untuk tidak menangguhkan pembangunan vaksin ini setelah Covid-19 sudah reda. Ini sudah disarankan pakar lebih 10 tahun dahulu, dan masih tidak diambil cakna kerajaan, maka kerajaan perlu menyokong pembangunan ini sepenuhnya," jelasnya.